

Headline	MESI boleh kurangkan tarif elektrik pengguna		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Nov 2019	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	2
ArticleSize	382 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 37,947		



MESI boleh kurangkan tarif elektrik pengguna

Cadangan kerajaan beri insentif mampu tingkat kecekapan kos operasi

Oleh Kamarulzaidi Kamis dan Che Wan Badrul Alias
bhbiz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perubahan ekosistem industri pembekalan elektrik di bawah Dasar Industri Bekalan Elektrik Malaysia (MESI) 2.0 (2019-2025) berpotensi mengurangkan tarif elektrik pengguna.

Bagaimanapun, ia bergantung

kepada turun naik harga bahan api di pasaran global.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Bhd (TNB), Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata kos bahan api kini menjadi komponen terbesar keseluruhan kos operasi penjana tenaga TNB, iaitu 70 peratus.

Katanya, cadangan kerajaan untuk memberi insentif kepada pengeluar tenaga supaya mencari jalan mendapatkan bahan api pada kos paling rendah mampu meningkatkan kecekapan kos operasi secara optimum.

"Dalam tarif elektrik, elemen paling asas adalah bahan api, namun harganya bukan dalam kawalan kita kerana apabila harganya naik maka tarif akan naik kerana surcaj dikenakan dan begitu sebaliknya apabila harga bahan api turun.

"Maka insentif itu adalah peluang untuk mengurangkan kos penjana tenaga supaya kami menguruskan penambahbaikan, mencuba inovasi dan mencapai kecekapan bagi mendapatkan bahan api.

"Ya, tarif mungkin lebih rendah (di bawah MESI 2.0) berbanding tidak melaksanakan MESI 2.0 kerana insentif ini dapat membantu kami mengoptimalkan usaha mengurangkan kos penjana tenaga supaya kadar terbaik dapat disalurkan kepada pengguna," katanya dalam temubual eksklusif di sini, baru-baru ini.

Amir Hamzah berkata, TNB menjangkakan rizab margin industri elektrik negara akan melonjak seketika susulan pengoperasian janakuasa Jimah, SPG dan EDRA sebelum kembali ke paras lebih seimbang dalam tempoh dua hingga tiga tahun.

Katanya, penurunan ke paras lebih seimbang itu disebabkan peralihan daripada perjanjian pembelian kuasa (PPA) pengeluar tenaga bebas (IPP) di bawah MESI 2.0.

"MESI 2.0 akan meningkatkan penggunaan RE (tenaga boleh diperbaharui) di negara ini, maka pada masa depan janakuasa lama akan diganti oleh tenaga yang dijana daripada RE secara beransur-ansur.

"Saya juga meletakkan harapan tinggi kepada inisiatif Grid Tenaga ASEAN antara Laos, Thailand, Malaysia dan Singapura (LTMS) dan kelak dengan penyertaan Indonesia. Inisiatif ini dapat menurunkan rizab tenaga dalam negara pada masa yang sama menjamin kestabilan bekalan tenaga di rantau ini.

"Kita boleh bergantung kepada negara lain atau meminjam tenaga daripada grid dan bagi negara yang boleh menghasilkan elektrik pada kos lebih murah boleh berkongsi manfaat tenaga kos lebih rendah dalam liputan lebih meluas kepada negara jiran," katanya.

Lagi berita di muka 19, 20



Cadangan kerajaan untuk memberi insentif kepada pengeluar tenaga supaya mencari jalan mendapatkan bahan api pada kos paling rendah mampu meningkatkan kecekapan kos operasi secara optimum. Dalam tarif elektrik, elemen paling asas adalah bahan api, namun harganya bukan dalam kawalan kita kerana apabila harganya naik maka tarif akan naik kerana surcaj dikenakan dan begitu sebaliknya apabila harga bahan api turun.

Amir Hamzah Azizan,
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB